



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**17 JULAI 2022 (AHAD)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**17 JULAI 2022 (AHAD)**



LORI yang ditahan anggota polis di sebuah stesen minyak di Jalan Air Putih, Kemaman. - Gambar NSTP/ROSLI ILHAM

## ***Setiap lori dipasang empat tangki***

**Chukai:** Polis menahan enam lelaki bersama tiga lori dengan muatan 5,000 liter diesel dipercayai terlibat dalam aktiviti penyeludupan bahan bakar itu di sebuah stesen minyak di Jalan Air Putih, Kemaman di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, semua suspek berusia 17 hingga 45 itu ditahan anggota polis yang menjalankan rondaan jam 3 pagi.

Menurutnya, ketika rondaan itu, anggota polis ternampak dua lori diparkir di stesen minyak terbabit manakala sebuah lagi sedang mengisi minyak dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota kami berasa curiga selepas melihat dua lelaki mengambil masa yang lama mengisi minyak sebelum membuat pemeriksaan dan mendapati suspek

mengisi diesel secara berlebihan.

"Ketika diminta menunjukkan surat atau permit kebenaran membeli bahan api daripada pihak berkuasa, mereka gagal membuktikannya," katanya.

Hanyan berkata, hasil pemeriksaan mendapati terdapat empat tangki dengan kesemua tangki berkenaan berisi diesel dianggarkan kira-kira 4,000 liter diesel di bahagian belakang salah sebuah daripada lori terbabit.

"Siasatan pada lori kedua turut mendapati ada empat tangki dan satu daripada tangki itu berisi diesel dianggarkan 1,000 liter.

"Manakala lori ketiga, pemeriksaan mendapati ada empat tangki kosong dipercayai sedang menunggu giliran mengisi minyak terbabit," katanya.